



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- A1.**
- (a) Jawatan : **PEGAWAI TADBIR GRED N41**
- (b) Jabatan : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
2. Tanggagaji - Gred N41 :
- PITI RM1690.28 - PIT27 RM4640.28
 - P2T1 RM1784.90 - P2T27 RM4918.55
 - P3T1 RM1883.70 - P3T27 RM5220.62
 - Elaun Khidmat Awam - RM300.00
 - Imbuan Tetap Perumahan - RM250.00
 - Bantuan Saraan Hidup - RM300.00
3. Syarat Lantikan
- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji Permulaan pada Gred N41: P1T3); atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T4); dan
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Diskripsi Tugas : Mengurus dan mentadbir hal ehwal pentadbiran, pengurusan dan kewangan harta-harta wakaf di Pulau Pinang dan lain-lain tugas.
- B5.**
- (a) Jawatan : **PEMBANTU UNDANG-UNDANG GRED L29**
- (b) Jabatan : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman
6. Tanggagaji - Gred L29 :
- PITI RM1472.26 - PIT22 RM3028.61
 - P2T1 RM1543.35 - P2T22 RM3226.80
 - P3T1 RM1617.46 - P3T22 RM3406.73
 - Elaun Khidmat Awam - RM160.00
 - Imbuan Tetap Perumahan - RM180.00
 - Bantuan Saraan Hidup - RM300.00

7. Syarat Lantikan : (a) (i) Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- (ii) Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; DAN
- (Gaji permulaan ialah pada Gred L29: P1T4)
- (b) Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
8. Diskripsi Tugas : Membantu Bahagian Undang-Undang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam urusan perundangan, mewakili dan membela Majlis di mahkamah dan mengendalikan lain-lain tugas yang berkaitan dengan perundangan dan lain-lain tugas.
- C9.** (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27**
- (b) Jabatan : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
10. Tanggagaji - Gred N27 : - PIT1 RM1204.55 - PIT26 RM3027.10
 - P2T1 RM1274.13 - P2T26 RM3213.25
 - P3T1 RM1346.73 - P3T26 RM3405.26
- Imbuan Tetap Khidmat Awam – RM160.00
 - Imbuan Tetap Perumahan - RM180.00
 - Elaun Bantuan Sara Hidup - RM300.00
11. Syarat Lantikan (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; atau
- (Gaji Permulaan pada Gred N27: P1T1);
- (ii) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji Permulaan pada Gred N27: P1T5);
- (iii) Diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji Permulaan pada Gred N27: P1T6);
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
12. Diskripsi Tugas : Membantu dalam mengurus dan mengendalikan urusan di Bahagian Sumber Am yang merangkumi menyelenggara dan mentadbir harta Baitulmal, mengurus permohonan beli dan jual balik bahagian Baitulmal, mengurus Harta Luqatah dan lain-lain tugas.

13. Taraf Jawatan : (a) A dan B – Kontrak
C - Tetap
- (b) Keutamaan akan diberi kepada anak negeri Pulau Pinang, cergas dan mempunyai daya inisiatif/komitmen tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.

14. **CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di dalam Perkhidmatan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA**. Calon-calon yang ingin memohon borang tersebut melalui pos dari Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mestilah menyertakan sampul surat berukuran 32sm x 22sm yang beralamat sendiri beserta setem bernilai RM1.00.
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm.
- (c) Permohonan yang berikut akan ditolak:-
- i) Tidak menggunakan borang permohonan jawatan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
 - (ii) Tidak disertakan gambar atau salinan dokumen yang diperlukan.
 - (iii) Tidak lengkap atau tidak terang.
 - (iv) Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan tidak disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan.
 - (v) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - (iv) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat; dan
 - (iiv) Tidak ditandatangani.

15. PERMOHONAN HENDAKLAH DISAMPAIKAN KEPADA;

**Setiausaha,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 8 & 9, Menara UMNO
No.128, Jalan Macalister
10400 PULAU PINANG**

pada atau sebelum **20 September 2010**

Catatan Am

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon-calon sendiri; dan
- (d) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.